

The Use of Snoezelen Box in Handling Challenging Behaviors Learning Disabilities Students in The Classroom

Syahida Nordin^a, Hazahamima Miskam^b, Siti Hawa Togimin^c, Mohd Syazwan Zainal^d

^{abc}Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar, ^dUniversiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

E-mail: -

Abstract: Snoezelen therapy (multisensory therapy) is an alternative approach to addressing the emotional and behavioral challenges of students with special needs. A multisensory therapeutic approach to involving coarse and fine motor stimulation, vision, hearing, touch, taste, smell and joint stimulation is a focus of the SK Dato 'Onn Jaafar Integrated Special Education Program (PPKI). Based on the surveys and observations, special needs students emotional and behavioral problems (75.2%) scored highest compared to self-management problems (10.4%), reading, writing and counting problems (8%) and communication and social problems (6.4 %). This purpose of study to look at the effectiveness of the snoezelen box to help reduce students with special needs emotional and behavioral problems. Multisensory therapeutic activity using the snoezelen box was affected help reduce students with special needs who suffer from emotional disorders and challenging behaviors. It's designed to help students with special needs focus, built self-confidence, built behavior development and to encourage of mind development. This study was conducted on 2 male students with low functioning ages 8 and 9. This case study is a single-subject experiment by applying the design of ABAB. The research instruments used are observation, checklist and document analysis. The findings show that the use of snoezelen boxes can help reduce the challenging behaviors of special education low-performing students.

Keywords: Snoezelen Box, autism spectrum disorder (ASD), challenging behavior, low fungsioning child


PENDAHULUAN

Pendidikan Khas di Malaysia berkembang pesat sejak bermulanya kesedaran tentang keperluan pendidikan untuk murid-murid kurang upaya. Kesedaran tentang pendidikan ini bermula semenjak tahun 1920an dan diselaraskan dengan moto "pendidikan untuk semua". Melalui moto tersebut murid-murid kurang upaya juga dianggap sebagai aset yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan hak mereka dalam pendidikan adalah satu kemestian. Di Malaysia, Pendidikan Khas adalah di bawah tanggungjawab lima kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia. Selain itu, terdapat juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang turut memainkan peranan penting dalam usaha untuk memartabatkan dan memperkembangkan Pendidikan Khas di Malaysia seperti Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), Persatuan Orang-Orang Kurang Upaya dan sebagainya. Murid-murid pendidikan khas kategori masalah pembelajaran terdiri daripada murid-murid yang mengalami masalah gangguan emosi, autisme, sindrom down, lembam, ADHD, serebral palsy dan pelbagai lagi. Oleh yang demikian, murid-murid berkeperluan khas (MBK) memerlukan terapi untuk membantu mereka mengawal emosi dan tingkah laku, meningkatkan kemahiran motor kasar dan motor halus serta meningkatkan daya tumpuan.

Terapi dalam Pendidikan khas bertumpu kepada cara pemulihan yang berkesan bagi menangani masalah tingkah laku dan kefungsi individu. Terdapat pelbagai jenis terapi yang boleh diaplikasikan berdasarkan kepada bentuk ketidakupayaan yang dialami. Salah satunya adalah terapi multisensori. Terapi multisensori merupakan terapi yang diaplikasikan bagi membantu meningkatkan perkembangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran seperti autisme spectrum disorder (ASD) (McKee et.al 2007), attention deficit hiperactivity disorder (ADHD), down syndrome, terencat akal (Michele et.al 2014) dan lewat perkembangan (HWM et.al 2003). Terapi multisensori telah diaplikasikan secara meluas dalam bidang pediatrik, maternity, psikiatri, stroke and traumatic brain injury (Gilian A. Hotz et.al 2006) penyakit kronik dan penjagaan demen-tia (Else Lykkeslet et.al 2014).

Faktor penyediaan bilik terapi yang dilengkapi dengan peralatan yang khusus dan mahal, kesukaran mendapatkan peralatan, kepakaran yang terhad, serta memerlukan tempat yang besar dan luas, menyebabkan kebanyakan sekolah-sekolah pendidikan khas integrasi tidak mampu untuk menyediakan bilik seperti ini terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Cetusan idea Snoezelen Box yang dilengkapi dengan terapi multisensori ini diharap dapat membantu sekolah-sekolah pendidikan khas integrasi yang lain untuk menyediakan sebuah Snoezelen Box di kelas PPKI di setiap sekolah. Secara umumnya, kebanyakan PPKI di setiap sekolah mempunyai murid-murid autisme, hiperaktif, serebral palsy, tantrum, dan masalah pembelajaran yang lain. Murid-murid ini amat sukar dikawal apabila emosi mereka mula terganggu. Mereka akan mula menjerit-menjerit, melompat-lompat, menangis dan ketawa secara tiba-tiba, mencederakan diri sendiri atau rakan serta merosakkan apa sahaja yang ada di sekeliling mereka. Ini akan menyebabkan murid-murid yang lain juga akan terganggu.

Langkah awal yang perlu dilakukan oleh guru ialah mengasingkan murid-murid ini ke tempat lain dalam tempoh masa tertentu untuk menenangkan mereka. Tempat yang paling sesuai ialah di dalam bilik Snoezelen. Tetapi, bukan semua sekolah mempunyai bilik ini kerana ia memerlukan kos yang tinggi untuk membinanya. Justeru, bagi membantu menyelesaikan masalah ini, maka tercetuslah idea untuk membina Snoezelen Box yang mana ia tidak memerlukan kos yang tinggi dan ia juga mudah diubah dan dialihkan di ruangan lain. Pemilihan inovasi Snoezelen box ini juga rentetan daripada soal selidik dan pemerhatian yang dilakukan kepada 30 responden yang terdiri daripada guru Pendidikan khas, pembantu pengurusan murid dan ibu bapa murid Pendidikan khas. Hasil daripada soal selidik dan pemerhatian yang telah dijalankan, masalah emosi dan tingkah laku mencabar murid Pendidikan khas merupakan masalah yang utama dan perlu ditangani secara efisien.



Dapatan soal selidik menunjukkan peratus elemen masalah emosi dan tingkah laku mencabar adalah paling tinggi dalam kalangan MBK. Sehubungan dengan itu, satu inovasi Snoezelen box telah dilaksanakan supaya pengurusan masalah emosi dan tingkah laku mencabar MBK dapat dikurangkan secara efisien.

Apa Itu Snoezelen Box?

Snoezelen adalah gabungan dua perkataan yang berasal daripada perkataan Belanda iaitu snuffelen dan doezelen. Perkataan snuffelen merujuk kepada aktif dan penerokaan. Manakala perkataan doezelen merujuk kepada pasif, ketenangan dan nyaman. Snoezelen juga dikenali sebagai persekitaran multisensori merupakan sebuah bilik yang dibina yang mana di dalamnya terdapat pelbagai bentuk peralatan atau kelengkapan khusus bagi merangsang deria (Ad dan Jan 2019). Ia boleh dikawal sama ada rangsangan yang hendak diberikan itu ditingkatkan atau dikurangkan. Rangsangan deria yang diberikan sama ada dalam bentuk pen-

gasingan atau menggabungkan interaksi aktif dan pasif mengikut kesesuaian tahap motivasi, minat, hubungan komunikasi dan keperluan kefungsi individu. Manakala Julia et.al (2004) mendefinisikan snoezelen merupakan satu bentuk terapi yang menyediakan aktiviti berkesan dalam mempengaruhi sistem saraf pusat melalui rangsangan terhadap deria utama iaitu penglihatan, pendengaran, sentuhan, deria bau serta deria dalam tubuh badan iaitu keseimbangan (vestibular) dan sensori sendi (proprioceptive) bagi meningkatkan tahap kualiti hidup bertujuan memperoleh ketenangan dan suasana yang nyaman melalui aktiviti rangsangan yang diberikan.


Bagi mengatasi masalah tantrum, gangguan emosi dan tingkah laku mencabar MBK, satu cadangan bagi menempatkan sementara murid ke tempat atau ruang yang boleh memberikan rasa tenang, rileks dan santai di samping menggalakkan rangsangan terapeutik murid. Menerusi pembacaan dan dapatan kajian lepas, terapi snoezelen dianggap satu bentuk terapi yang boleh diaplikasikan kepada murid bermasalah tingkah laku dan gangguan emosi. Memandangkan kos bagi menyediakan sebuah bilik Snoezelen menelan belanja yang tinggi iaitu boleh mencecah Ringgit Malaysia puluhan ribu hingga ratusan ribu (theborneopost.com 2019) iaitu bergantung kepada jenis kelengkapan yang disediakan dalam bilik tersebut. Maka ia secara tidak langsung mencetuskan idea untuk menghasilkan Snoezelen Box ini.


a. Material yang digunakan

Snoezelen Box berbentuk segiempat tepat dan bersaiz kompak direka khas dengan ukuran 1.52 meter tinggi x 1.25 meter panjang x 0.61 meter lebar dengan menggunakan papan lapis berketebalan 1/2 inci dengan bantuan kepakaran tukang perabot. Penggunaan warna hitam dipilih bagi memberikan kesan visual yang lebih berkesan. Snoezelen box direka dengan mengambil kira sebahagian daripada spesifikasi kelengkapan peralatan terapi multisensori yang digunakan iaitu pembesar suara tanpa wayar, lampu berwarna-warni berkelip-kelip, bauan aromaterapi bagi menggalakkan rangsangan terapeutik, alunan muzik yang lembut yang menenangkan dimuat turun melalui telefon pintar secara bluetooth, bantal kecil, tilam nipis bertekstur dan gelembung air berwarna (Snoezelen Training Toolkit 2011). Bagi menjadikan Snoezelen Box seakan sebuah bilik bersaiz kompak, bahagian hadapannya ditutupi dengan langsir berwarna hitam. Ini berpadanan dengan kajian Jennifer dan Mark (2014) berkaitan dengan bilik snoezelen berlatar belakang hitam atau dikenali sebagai bilik gelap. Ia mempunyai siling, dinding dan latar belakang berwarna hitam yang membolehkan imej dipancarkan dengan jelas dan dapat meminimumkan gangguan penglihatan. Persekitaran bilik gelap sangat ideal untuk rangsangan visual dan boleh digabungkan dengan penggunaan lampu ultraviolet dan fiber optik.

b. Reka bentuk SNOEZELN BOX

Reka bentuk Snoezelen Box dimulakan dengan melakar bentuk lukisan perspektif unjuran isometri iaitu lukisan bergambar yang menunjukkan tiga dimensi iaitu ukuran lebar, tinggi dan dalam.





Rajah 2: Pendimensian lukisan isometrik Snoezelen Box

c. Teknik penggunaan SNOEZELLEN BOX

Asas penggunaan Snoezelen Box ini sangat mudah dan boleh digunakan oleh guru, ibu bapa dan pembantu pengurusan murid. Oleh kerana Snoezelen Box ini mempunyai saiz yang kompak, ianya memang direka khas untuk menempatkan hanya seorang murid sahaja. Penggunaan Snoezelen Box berfungsi dengan lebih efisien dan berkesan apabila murid dalam keadaan sedang tantrum atau mengalami masalah emosi seperti menangis berterusan dalam jangka masa yang panjang, mengamuk atau ketika sedang melakukan tingkah laku mencabar seperti menjerit-jerit tanpa sebab dan tindakan segera diambil dengan menempatkan murid tersebut ke dalam Snoezelen Box. Berikut merupakan teknik penggunaan Snoezelen Box secara langkah demi langkah:

1. Guru memperdengarkan alunan muzik seperti terapi alam sekitar dan alunan ayat-ayat al-quran serta zikir di dalam Snoezelen Box. Lagu boleh dimuat turun secara bluetooth dengan menggunakan telefon pintar terus ke pembesar suara (wireless speaker).
2. Guru juga menghidupkan lampu LED.
3. Setelah itu, murid yang sedang menunjukkan emosi dan tingkah laku mencabar akan dimasukkan ke dalam Snoezelen Box ini oleh guru. Guru akan meminta murid supaya berbaring di atas tilam bertekstur sambil memeluk bantal, melihat cahaya lampu LED yang berkelip-kelip dan bertukar-tukar warna.
4. Guru akan memberikan murid glitter calm jar untuk murid pegang dan goncang seketika supaya murid merasa lebih tenang dan lebih tenteram. Glitter calm jar yang berperanan sebagai alat untuk membuat murid berkhayal dan mengalihkan tumpuan daripada emosi menangis kepada emosi tenang apabila melihat cecair di dalam jar yang pelbagai warna, corak yang berkilauan.
5. Apabila murid sudah berbaring dalam suasana lampu yang berkelip-kelip dan bertukar-tukar warna, mendengar alunan muzik terapi alam atau alunan zikir-zikir sambil menghidu bau wangi aromaterapi, menggalakkan emosi terapeutik murid kepada lebih tenang, santai, meredakan emosi dan akhirnya tertidur.

6. Teknik ini boleh diaplikasikan sehari-hari jika murid sering atau kerap menunjukkan emosi terganggu dan tingkah laku mencabar ketika di sekolah mahupun di rumah.

d. Elemen Inovasi dan Kreativiti

1. Memperkenalkan alternatif kepada Terapi Bilik Snoezelen.
2. Mengaplikasikan elemen terapi multisensori yang berfokus kepada mengurangkan masalah emosi dan tingkah laku mencabar MBK.
3. Aktiviti berasaskan terapi rangsangan empat deria iaitu deria penglihatan, pendengaran, bau dan sentuhan.
4. Menyediakan aktiviti terapi secara efisien dan fleksibel mengikut tahap kefungsi MBK.
5. Melahirkan perasaan nyaman, tenang, santai, gembira dan menunjukkan emosi serta tingkah laku yang positif dalam kalangan MBK.
6. Mewujudkan persekitaran kelas MBK yang kondusif.

DAPATAN KAJIAN

Menurut Gearhart & Gearhart (1990), Penilaian Pendidikan ialah konsep umum bagi pelbagai cara atau pendekatan sistematik untuk mengumpul, memahami dan mentafsirkan maklumat yang dipungut tentang murid atau sekumpulan murid. Oleh yang demikian, kebaikan terapi Snoezelen Box ini perlu dinilai sama ada pendekatan ini menyumbang atau tidak kepada perkembangan murid MBK. Semua pihak sedia maklum bahawa terapi snoezelen adalah terapi multisensori yang dirancang untuk mempengaruhi sistem saraf pusat melalui rangsangan yang cukup pada sistem sensori seseorang. Di sini Snoezelen Box diinovasikan daripada sebuah bilik Snoezelen. Walaupun Snoezelen Box tidak mempunyai ciri-ciri yang kompleks atau lengkap seperti sebuah bilik snoezelen, tetapi inovasi Snoezelen Box ini tetap mempunyai pelbagai kelebihan yang hampir sama fungsinya seperti sebuah bilik snoezelen. Diantara keberkesanan penggunaan snoezelen box kepada murid, guru, ibubapa dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Murid


Penggunaan Snoezelen Box sebagai tempat atau ruang terapi murid MBK adalah selamat dan tidak membahayakan. Ini kerana material yang digunakan untuk menghasilkan Snoezelen Box adalah daripada bahan yang berunsurkan eco-friendly iaitu menggunakan papan lapis yang merupakan produk semulajadi diperbuat daripada sumber yang diperbaharui iaitu daripada sisa-sisa kayu yang dimampatkan dan dijadikan dalam bentuk plat papan. Ciri papan lapis yang ringan, permukaan yang halus, kemas, kukuh, tahan lasak serta mudah untuk diubahsuai dilihat sesuai dan menepati tahap keselamatan penggunaannya oleh kanak-kanak.

Snoezelen Box ini juga adalah sebagai jalan penyelesaian kepada masalah emosi dan tingkah laku mencabar. Kepelbagaian masalah dalam kalangan MBK menyebabkan guru perlu mencari penyelesaian untuk mengurangkan kadar masalah yang wujud pada MBK. Masalah emosi yang tidak stabil, tantrum secara tiba-tiba merupakan masalah yang agak kritikal dan sukar untuk dikawal oleh para guru mahupun ibu bapa. Dengan adanya Snoezelen Box ini sedikit sebanyak mampu mengurangkan ketegangan emosi, keresahan murid-murid ketika mengamuk. Guru akan menempatkan murid yang mengalami emosi terganggu ke dalam Snoezelen Box dan dilihat mampu mengalihkan atau menghayalkan MBK dengan suasana di dalam Snoezelen Box. Ini secara tidak langsung murid akan berasa lebih tenang untuk jangka masa tertentu dan akhirnya akan tertidur.

Snoezelen Box juga mampu mengurangkan kadar kekejangan bagi kanak-kanak serebral palsy. Menurut kajian Anas Pradana (2013), penggunaan terapi snoezelen mampu menurunkan kadar kekejangan otot dalam kalangan kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya kanak-kanak serebral palsy. Hal ini berikutan suasana di dalam bilik terapi snoezelen yang memberikan efek ketenangan.

Dalam aspek perkembangan kognitif, ia bergantung kepada semua faktor seperti kemahiran komunikasi dan bahasa, perkembangan motor, perkembangan deria dan kehendak kurikulum (McLoughlin dan Lewis, 2008). Kemahiran akademik juga akan dikaitkan dengan pelbagai faktor kognitif. Oleh sebab itu guru perlu menilai beberapa faktor kognitif seperti keupayaan murid untuk terus memberikan perhatian bagi tempoh yang lebih lama. Pendekatan terapi snoezelen ini mampu menghasilkan kemajuan dalam kemampuan emosional dan kognitif pada anak autism (Dionne & Martin, 2011). Melalui aktiviti floortime seperti puzzle, ruang membaca dan sebagainya

Keberkesanan snoezelen box dapat dibuktikan melalui Ujian Pre dan Ujian Post Masalah Emosi dan Tingkah Laku Mencabar MBK dengan penggunaan snoezelen box terhadap 4 orang murid di PPKI SKDOJ sebagaimana yang ditunjukkan pada Graf1, Graf 2 dan Graf 3.



Kemahiran motor ialah pergerakan badan yang membolehkan kita melakukan pelbagai aktiviti dalam kehidupan. Kemahiran motor termasuk pergerakan badan kasar dan halus. Contoh pergerakan motor kasar ialah berjalan, berlari, bertepuk tangan dan memanjat. Pergerakan motor halus pula seperti menulis, menggantung, meramas dan mencucuk. Oleh yang demikian guru hendaklah memastikan sama ada murid telah mencapai fungsi motor kasar dan halus yang sesuai dengan peringkat umurnya. Perkara ini penting kerana motor halus dan kasar adalah penting untuk proses pembelajaran. Perkembangan pergerakan juga akan bergantung pada fungsi deria dan bagaimana fungsi itu disepadukan untuk membantu fungsi dan pemahaman menyeluruh. Oleh yang demikian, terapi snoezelen mampu meningkatkan kemahiran psikomotor murid berkeperluan khas.

Tingkah laku merujuk kepada kebolehan individu untuk menyesuaikan diri, berubah atau berdepan dengan situasi semasa atau tuntutan persekitaran (Hallahan & Kauffman, 1991). Ia merupakan kebolehan untuk mengetahui tingkah laku yang mana sesuai dalam sesuatu situasi. Ia juga bermakna kebolehan untuk memindahkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam situasi dan menggunakannya dalam situasi lain. Kebanyakan murid boleh mendapat kebolehan yang disebut di atas menerusi pengalaman dan dengan memerhatikan orang lain.

Bilik Floortime Therapy yang menempatkan Snoezelen Box ini juga mampu meningkatkan kepuasan hati pelanggan (murid MBK). Murid-murid semakin seronok untuk hadir ke sekolah, kedatangan murid pendidikan khas juga meningkat dan pada waktu senggang mereka sangat suka untuk berada dalam bilik Floortime Therapy ini. Hal ini kerana terdapat beberapa aktiviti seperti fishing time, house riding, calm space, future me, toilet buzz, sensory pad dan netball corner yang boleh meningkatkan kemahiran motor halus dan kasar murid MBK. Secara keseluruhannya murid sangat gembira untuk menggunakan aktiviti yang terdapat dalam bilik Floortime Therapy ini.

Guru

Semenjak adanya inovasi Snoezelen Box ini, guru mampu menyelesaikan masalah emosi murid dengan lebih efisien. Hal ini juga akan menyebabkan pengurusan guru dan PPM menjadi lebih mudah dan teratur. Yang mana jika terdapat murid MBK yang tantrum, pengasingan boleh dilakukan tanpa menjejaskan pembelajaran murid berkeperluan khas yang lain. Oleh yang demikian, murid MBK yang lain tidak merasa terganggu dengan tantrum kawan mereka sendiri.

Ibu Bapa/Guru

Hasil daripada temubual guru bersama beberapa orang ibu bapa murid berkeperluan khas juga mendapati Snoezelen Box ini mampu meningkatkan keterujaan mereka terhadap usaha guru untuk membantu menangani masalah emosi dan tingkah laku mencabar murid berkeperluan khas. Antara hasil temubual yang telah dilakukan bersama beberapa orang ibu bapa iaitu:

Ibu Asim Imran,

“menarik dan diharapkan snoezelen box ini mampu mengurangkan masalah emosi Asim Imran.”

Ayah Qayyim Naufal,

“satu usaha yang murni yang patut dipuji dan perlu menambah sebuah kipas kecil untuk keselesaan murid.”

Hasil temubual bersama beberapa orang guru di aliran perdana juga mendapati bahawa Snoezelen Box ini merupakan idea kreatif bagi menangani isu emosi dan masalah tingkah laku mencabar murid berkeperluan khas. Antara pandangan Cikgu Airzam ialah:

“Saya tidak terfikir yang bilik Snoezelen bersaiz besar, menelan kos yang tinggi telah diinovasikan menjadi sebuah kotak dan masih mempunyai ciri-ciri asas sebuah bilik terap seperti mempunyai lampu LED, bau aromaterapi serta muzik yang menenangkan.”

Snoezelen Box juga mempunyai saiz kompak yang sangat fleksibel dan mudah alih serta boleh dibawa ke mana-mana serta diubah alih kedudukannya pada bila-bila masa. Ciri-ciri ini sangat relevan dengan suasana sebuah kelas atau rumah yang kecil. Oleh kerana Snoezelen Box ini mempunyai pelbagai kelebihan yang relevan dengan masa kini, para ibu bapa juga turut boleh mewujudkan Snoezelen Box ini di rumah masing-masing bagi mengatasi masalah emosi dan tingkah laku mencabar anak-anak.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Antara kelebihan utama Snoezelen Box ini adalah kos pembuatannya yang sangat murah berbanding dengan kos penghasilan sebuah bilik snoezelen. Selain daripada faktor kos, kita juga boleh lihat dari aspek penjagaan Snoezelen Box yang lebih ringkas dan mudah jika dibandingkan untuk mengelola sebuah bilik snoezelen yang mana ianya memerlukan kepakaran dan penjagaan yang khusus. Snoezelen Box juga sangat mudah untuk dihasilkan. Ianya dikatakan mudah kerana menggunakan material yang juga mudah untuk dibeli dan didapati berbanding dengan kelengkapan sebuah bilik snoezelen. Snoezelen Box juga mudah untuk dihasilkan dan tidak memerlukan kepakaran yang khusus. Jadual 1 menunjukkan senarai material yang digunakan dan perbelanjaan bagi menghasilkan sebuah Snoezelen Box yang berunsurkan eco-friendly. Oleh kerana kos penghasilan snoezelen box yang tidak menelan belanja yang besar dan dapat memberi manfaat kepada MBK maka disarankan kepada KPM agar dapat disebar luas penggunaannya di PPKI seluruh Malaysia.

Kesan elemen multisensori Snoezelen box

Selain kelebihan fizikal, Snoezelen Box juga mempunyai ciri-ciri yang mengikuti peredaran zaman yang berteraskan teknologi. Ciri-ciri teknologi yang ada pada Snoezelen Box ini ialah ia mempunyai elemen multisensori 4D, pembesar suara tanpa wayar, muzik yang boleh dimuat turun secara bluetooth daripada telefon pintar dan lampu LED pelbagai warna. Elemen multisensori 4D bermaksud Snoezelen Box ini terdapat stimulasi yang boleh memberi rangsangan terhadap empat deria yang amat diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas seperti merangsang deria penglihatan, deria bau, deria sentuhan dan deria pendengaran. Kesemua elemen multisensori ini dapat diterapkan di dalam sebuah Snoezelen Box sebagaimana yang ada

untuk sebuah bilik snoezelen. Kesemua elemen multisensori 4D ini sangat penting kerana ia mampu memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak berkeperluan khas.

Terdapat beberapa stimulasi di dalam terapi snoezelen seperti penglihatan. Penglihatan bergantung pada terang dan gelap, bentuk dan sudut, warna dan bayangan akan memberikan stimulasi dan kesenangan. Warna lampu yang bertukar-tukar amat baik dalam memberikan rangsangan positif kepada MBK. Kombinasi pencahayaan dan gambar visual yang ditampilkan akan menghasilkan efek yang bervariasi untuk membantu terciptanya suasana tenang dan nyaman. Sehingga kanak-kanak berkeperluan khas tersebut mampu menikmati perasaan nyaman, tenang dan rehat.

Manakala dua pengaruh warna dalam terapi snoezelen iaitu warm colour iaitu warna merah, jingga dan kuning manakala cool colour iaitu warna hijau, biru dan warna-warna lembut. Warna biru akan memberikan efek menurunkan kadar denyutan jantung dan frekuensi nafas sehingga 20 peratus dan untuk relaksasi dan meditasi. Warna hijau akan memberikan efek rasa damai, tenang, dan sejuk. Ia dapat menurunkan kadar hormon tekanan dalam darah serta menurunkan kadar ketegangan otot. Warna merah merupakan warna excited, yang dapat meningkatkan aktiviti otak dan tonus otot yang mampu memberikan rasa hangat. Warna jingga memberi kesan yang sama dengan merah tetapi lebih ringan, bertenaga dan dapat menurunkan tahap tekanan. Begitu juga dengan warna kuning memberi kesan sama dengan warna merah dan jingga tetapi paling ringan, warna stabil, meningkatkan mutu kerja dan daya umpuan.

Snoezelen Box juga mempunyai pembesar suara tanpa wayar yang membolehkan pelbagai muzik dimuat turun secara bluetooth melalui telefon pintar. Muzik mampu memberi rangsangan kepada deria pendengaran. Contohnya seperti pemilihan muzik untuk relaksasi adalah suatu hal yang menyenangkan tetapi perlu dengan bunyi yang perlahan. Irama yang ringkas diperlukan supaya kanak-kanak berkeperluan khas merasa lebih tenang. Stimulasi pendengaran terdiri dari soft music: rasa hangat, nyaman, aman dan relaks. Manakala cheerful music: riang, pergerakan aktif dan dinamik. Muzik bergantung pula pada ritma, harmoni, dinamika serta keras-lembutnya irama yang diperdengarkan. Selain dari menggunakan muzik, guru dan ibu bapa juga boleh memperdengarkan zikir-zikir munajat mahupun ayat-ayat al-quran untuk memberikan ketenangan kepada kanak-kanak berkeperluan khas.

Snoezelen Box juga menyediakan permukaan yang berbeza dengan sekeliling dindingnya ditampal dengan pelekat berbentuk bintang berkilat, dibahagian lantainya pula diletakkan tilam nipis bertekstur dan bantal kecil bertujuan untuk merangsang deria sentuhan murid MBK. Permukaan yang kasar, lembut, basah, kering, hangat, dan dingin sangatlah perlu. Sentuhan badan antara ahli terapi (guru / ibu bapa) dan murid sangatlah diperlukan. Meskipun terapi tidak berkomunikasi, namun sentuhan akan menjadi suatu bentuk komunikasi antara ahli terapi dan murid. Dengan sentuhan terapi akan menunjukkan terapi menunjukkan rasa peduli pada mereka dan murid merasa aman dengan cara mendekap. Hal ini akan diterapkan oleh para guru dan ibu bapa apabila mengaplikasikan terapi snoezelen sama ada di sekolah mahupun di rumah.

Selain itu, Snoezelen Box juga mempunyai unsur-unsur bau sebagai aromaterapi. Menurut Nasrullah Panji (1998), bau mampu menciptakan memori yang sangat kuat. Stimulasi bau daripada peppermint dapat merangsang inspirasi lebih panjang (nafas dalam dalam). Mawar dapat menekan rasa takut dan memberikan pengalaman yang baik. Patchouli (sejenis minyak tumbuh-tumbuhan) yang dapat memperbaiki sikap resah, dan memudahkan untuk dikawal. Bau Kamelia dapat memberi ketenangan. Lavender mampu menenangkan dan mempertahankan tumpuan. Eucalyptus dapat meningkatkan keyakinan diri. Melati dapat mencegah perubahan dari undersensitive ke oversensitive dan sebaliknya. Basilika (kemangi/selasih) dapat memperbaiki rasa percaya diri. Unsur-unsur bau ini juga diterapkan di dalam Snoezelen Box yang mana bau-bauan ini diletakkan secara fleksibel dan boleh diubah bau mengikut kesesuaian. Bau-bauan yang digunakan bertujuan untuk menggalakkan komunikasi terapeutik murid MBK dengan guru agar mereka berasa tenang, ceria dan aman.

Snoezelen Box yang direka mempunyai muzik dan cahaya mampu mengurangkan tantrum dan membuat murid MBK berasa lebih tenang. Bagi murid yang suka mengamuk secara tiba-tiba, guru akan memberikan murid rehat dan berbaring di atas tilam nipis bertekstur di ruang ini. Fungsi tilam yang bertekstur memberikan rangsangan kepada deria sentuhan. Daripada pemerhatian yang guru lihat, murid menunjukkan perubahan yang positif apabila dapat berbaring dan menyentuh tekstur tilam sambil mendengar alunan muzik dan melihat lampu yang berkelip-kelip dengan pelbagai warna.

PENUTUP

Produk inovasi snoezelen box ini masih dalam fasa prototaip dan memerlukan kajian yang terperinci terutamanya berkaitan dengan reka bentuk yang lebih mesra pengguna. Kos untuk menghasilkan snoezelen box yang mesra alam (eco-friendly) ini dilihat lebih efisien berbanding dengan penyediaan sebuah bilik snoezelen yang sebenar. Tambahan lagi terapi multisensori yang diaplikasikan dalam snoezelen box secara

jangka masa panjang akan memberi dampak yang positif dalam mempengaruhi emosi dan tingkah laku mencahar murid berkeperluan khas (Niki dan Lisa 2001).

RUJUKAN

- Ad Verheul & Jan Hulsege. 2019. Snoezelen. ISNA-mse.org. <http://www.isna-mse.org> (1 September 2019)
- Anas Pradana. 2013. Efek Snoezelen terhadap penurunan tingkat spastisitas pada anak cerebral palsy deflegi. Universitas Muhammadiyah Surakarta. Naskah publikasi.
- Bellini, S., & Hopf, A. 2007. The development of the autism social skills profile: A preliminary analysis of psychometric properties. *Focus on Autism and other Development Disabilities*, 22(2), 80-87.
- Borneo Post Online. 2019. Bilik terapi sensori berharga RM80,000 untuk Pusat Kanak-Kanak Spastik Johor. <https://www.theborneopost.com/2010/05/07/bilik-terapi-sensori-berharga-rm80000-untuk-pusat-kanak-kanak-spastik-johor/> (1 September 2019)
- Cook, C. R., Gresham, L. K., Barreras, R. B., Thornton, S., dan Crews, S. D. 2008. Social skills training for secondary students with emotional and/or behavioural disorders: A review and analysis of the meta-analytic literature. *Journal of Emotional and Behavioural Disorder*, 16, 131-144.
- Dionne, Maryse & Martini, Rose. 2011. Floor time play with a child autism: A single subject study. *Canadian Journal of Occupational therapy*, 78(3): 196-203.
- Else Lykkeslet, Eva Gjengedal, Torill Skrandal & May-Britt Storjord. 2014. Sensory Stimulation-A way of creating Mutual Relations In Dementia Care. *International Journal of Qualitative Studies in Health and Well-being*, 9 : <http://dx.doi.org/10.3402/qhw.v9.23888> (1 September 2019).
- Gearheart, C. & Gearheart, B. 1990. Introduction to special education assessment: principles and practices. Denver: Love Pub.
- Gillian A Hotz, Andrea Castelblanco, Isabel M Lara, Alyssa D Weiss, Robert Duncan & John W. Kuluz. 2006. Snoezelen: A Controlled Multi-Sensory Stimulation Therapy For Children Recovering From Severe Brain Injury, 20 (8), 879-888.
- Hallahan, D. D. & Kauffman, J. M., 1991. *Exceptional Children: Introduction to special education*. Upper Saddle River, NJ: Merrill/Prentice Hall.
- HWM Kwok, YF To & HF Sung. 2003. The Application of A Multisensory Snoezelen Room For People With Learning Disabilities- Hong Kong Experience. *Hong Kong Med J*, 9(2): 122-6.
- Jennifer Stephenson & Mark Carter. 2011. Use of Multisensory Environments in Schools for Students with Severe Disabilities: Perceptions from School. *Education and Training in Autism and Developmental Disabilities*, 46 (2), 276-290.
- Julia C M van Weert, AM Van Dulmen, Jozien M Besing & Ada Kersktra. 2004. The Implementation Of Snoezelen In Psychogeriatric Care: An Evaluation Through The Eyes Of Caregivers. *International Journal of Nursing Studies* 41(4):397-409.
- Martiyani, Santoso Budi & S Psi. 2017. Pelaksanaan Terapi Snoezelen Pada Anak Autis di YPAC Nasional Sekolah Luar Biasa (SLB) Autisme Mitra Ananda Colomadu. IAIN Surakarta
- McKee SA, Harris GT, Rice ME & Silk L. 2007. Effects Of A Snoezelen Room On The Behavior Of Three Autistic Clients. *Research Department Mental Health Centre Penetanguishene* 28(3): 304-16.
- McLoughlin, J. A. & Lewis, R. B., 2008. *Assessing students with special needs*. Boston: Pearson.
- Michele Shapiro, Shula Parush, Manfred Green & Dana Roth. 2014. The Efficacy of The "Snoezelen" in the Management of Children With Mental Retardation Who Exhibit Maladaptive Behaviours. *The British Journal of Development Disabilities*, 43 (85), 140-155.
- Nasrullah Panji, 1998; Psikologi Warna; Yayasan Bina Solusi Cerdas, Bandung.
- Niki D Stadel & Lisa A Manaley. 2001. The Effects of A Multisensory Environment On Negative Behavior And Functional Performance On Individuals With Autism. *Journal of Undergraduate Research University of Wisconsin-La Crosse*, 211-218.
- Performance Health. 2019. How to Create a Multi-Sensory Room on a Budget. <https://www.performance-health.com/articles/how-to-create-a-snoezelen-room-on-a-budget> (1 September 2019)
- Snoezelen Training Toolkit. 2011. Quality Palliative Care in Long Term Care Alliance (QPCLTC) .http://www.palliativealliance.ca/assets/files/Snoezelen_Toolkit-Jan25.pdf. (1 September 2019)